



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Program Ijazah Dalam Negara

DISKRIPSI PROGRAM

Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) merupakan penajaan yang berfokus kepada pelajar peringkat ijazah pertama yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA), Politeknik Premier dan *Government Linked Universities (GLU)*.

MEKANISMA PENAJAAN

Penajaan program ini adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU).

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia.
- Mempunyai kesihatan yang baik.
- Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- Tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA.
- Tidak menerima bantuan kewangan/tajaan dari mana-mana pihak di peringkat pengajian yang sama.
- Telah memulakan pengajian peringkat Ijazah Pertama sebelum tarikh iklan ditutup.

Nota: Syarat-syarat permohonan adalah tertakluk kepada dasar penajaan yang akan dimaklumkan dalam iklan penawaran tajaan terkini.

BIDANG PENGAJIAN

- Kejuruteraan dan Teknikal
- Sains Sosial
- Sains
- Klinikal dan Kesihatan
- Seni Bina
- Veterinar

CARA PERMOHONAN

Permohonan dibuka secara dalam talian di Portal Rasmi Pembangunan Modal Insan JPA

<https://esilav2.jpa.gov.my>

pada tarikh yang akan dimaklumkan dalam iklan penawaran tajaan.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

- E-mel: penawaranisp@jpa.gov.my
- Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA):
<https://jpa.spab.gov.my/eApps/system/index.do>

